

Pendidikan luar wajar diteruskan

UB 27.05.2012 B2

PENDIDIKAN luar boleh didefinisikan sebagai suatu falsafah pendidikan yang berteraskan kaedah pembelajaran melalui pengalaman.

Pelaksanaan aktiviti lasak yang melibatkan alam semulajadi seperti berkayak, mendaki gunung dan berenang sebagai medium membina kemahiran insaniah menjadi faktor lebih ramai pelajar berminat menceburi bidang pendidikan luar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kerana tidak melibatkan tahap kemahiran dan kecergasan fizikal yang tinggi.

Akibatnya, pelbagai lapisan pelajar yang berbeza tahap kecergasan fizikal dan mental menyertai program pendidikan luar berbanding pelajar yang menyertai acara sukan.

Faktor ini secara tidak langsung menjadikan pendidikan luar yang telah diamalkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan formal di Malaysia lebih terdedah kepada risiko kemalangan berbanding aktiviti sukan.

Lazimnya, apabila berlaku suatu insiden yang tidak diinginkan dalam program pendidikan luar, pihak pentadbiran akan terus mengambil tindakan terburu-buru untuk 'mengharamkan' pelaksanaan program yang serupa di institusi kendalian mereka seperti pengharaman aktiviti air dalam PLKN baru-baru ini.

Hal ini didorong oleh timbulnya beberapa isu seperti kos penganjuran yang tinggi, insiden kemalangan, perubahan pendekatan pembelajaran yang menghimpit pelaksanaan pendidikan luar di Malaysia.

Namun, tindakan yang tidak rasional ini tidak pernah berjaya

mengurangkan insiden kemalangan dalam pendidikan luar. Malahan data menunjukkan bahawa semakin banyak insiden kemalangan yang berlaku lantaran pengharaman aktiviti pendidikan luar di sesebuah institusi.

Menurut salah seorang pensyarah Pendidikan luar di Universiti Malaysia Sabah (UMS); Mohamad Nizam Nazarudin bahawa, tinjauan melalui arkib berita dalam talian mendapati bahawa dari bulan Januari hingga September 2008 sahaja, terdapat sembilan insiden kematian akibat aktiviti luar anjuran pelajar sendiri.

Manakala pada sistem pendidikan yang berfokuskan peperiksaan dan kesesuaian tempoh yang sama tidak ada sebarang berita kemalangan dicatatkan dalam aktiviti pendidikan luar anjuran institusi pendidikan.

Salah satu faktor terjadinya insiden ini adalah tiada pengawasan pendidik atau jurulatih pendidikan luar yang terlatih dalam aktiviti pendidikan luar yang dianjurkan oleh pelajar tersebut.

Beliau turut menyatakan bahawa faktor lain adalah 'pengharaman' program pendidikan luar di institusi tersebut yang mana bukanlah langkah yang bijak dalam menangani isu insiden kemalangan dalam program pendidikan luar.

Sehubungan dengan itu program pendidikan luar terus diperkenalkan di Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial UMS kepada para pelajar mereka.

Baru-baru ini, seramai 300 orang pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Universiti Malaysia Sabah (DPLI UMS) telah menyertai satu perkhemahan pembentukan sahsiah jati diri bertempat di Kem Malangang, Kiulu

Pusat Kokurikulum Negeri Sabah.

Seminggu kemudian, seorang lagi pensyarah pendidik luar iaitu, Hasnol Noordin turut mengadakan perkhemahan pendidikan luar di ODEC UMS selama 3 hari 2 malam yang melibatkan hampir 80 pelajar Program Pengsiswazahan Guru (PPG).

Menurut beliau lagi, pendidikan luar harus digunakan sebagai medium utama untuk mendidik pelajar dan pendidik.

Oleh itu, pentadbiran mengenai teknik-teknik mengatasi risiko dalam program pendidikan luar perlulah dijalankan.

Negara maju seperti Amerika Syarikat, Great



KEM pendidikan luar di UMS telah bermula seawal tahun 2007.



WHITE Water Rafting merupakan salah satu aktiviti pendidikan luar.

“Pelaksanaan aktiviti lasak yang melibatkan alam semulajadi seperti berkayak, mendaki gunung dan berenang sebagai medium membina kemahiran insaniah menjadi faktor lebih ramai pelajar berminat menceburi bidang pendidikan luar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kerana tidak melibatkan tahap kemahiran dan kecergasan fizikal yang tinggi. Akibatnya, pelbagai lapisan pelajar yang berbeza tahap kecergasan fizikal dan mental menyertai program pendidikan luar berbanding pelajar yang menyertai acara sukan.”


Britain, New Zealand dan Australia menjadikan pendidikan luar sebagai medium utama untuk mendidik masyarakat tentang keselamatan di alam semulajadi.

Program pendidikan keselamatan pendidikan luar ini diterapkan secara rasmi dalam kurikulum pendidikan negara tersebut

seawal pelajar berumur lima tahun.

Kesannya, kadar kematian akibat aktiviti pendidikan luar atau di alam semulajadi di negara tersebut mencatatkan penurunan yang drastik.

Oleh yang demikian pendidikan luar perlu diteruskan dan diperluaskan agar masyarakat akan



AKTIVITI Flying Fox yang menguji ketahanan mental.

“Program pendidikan keselamatan pendidikan luar ini diterapkan secara rasmi dalam kurikulum pendidikan negara tersebut seawal pelajar berumur lima tahun. Kesannya, kadar kematian akibat aktiviti pendidikan luar atau di alam semulajadi di negara tersebut mencatatkan penurunan yang drastik.”

terus aktif dan dapat membendung risiko dalam aktiviti luar.

Pendidikan luar mampu membangunkan potensi kepimpinan individu dan perkhemahan yang dijalankan turut membantu untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan peserta selain berkesan dalam melahirkan generasi yang cemerlang seiring dengan matlamat dan meminimakan gejala yang tidak sihat.



PARA peserta perkhemahan pendidikan luar pada malam persembahan.